

Baca petikan dibawah dengan teliti. Kemudian jawab soalan pemahaman berdasarkan petian.

Pada suatu petang, Rosmohadi dan Mardiana sedang berjalan-jalan di Orchard Road. Mereka telah berjumpa dengan ibu rakan mereka, Zul. Ibu Zul memberitahu mereka bahawa Zul telah dimasukkan ke hospital setelah terjatuh semasa bermain kasut beroda. Kaki kiri Zul patah dan kedua-dua tangannya luka.

Keesokan harinya, Rosmohadi dan Mardiana pergi melawat Zul di hospital. Mereka membawa buah-buahan sebagai buah tangan. Zul berasa sangat gembira melihat kedatangan rakan-rakannya itu.

Tiga hari kemudian, Zul pun dibenarkan pulang ke rumahnya. Zul sungguh gembira kerana dia sudah bosan duduk di hospital yang sunyi itu. Zul terpaksa bergerak dengan menggunakan tongkat kerana kakinya disimen.

1. Siapakah yang dijumpai oleh Rosmohadi dan Mardiana?

Rosmohadi dan Mardiana telah berjumpa dengan _____.

2. Mengapakah Zul dimasukkan ke hospital?

Zul dimasukkan ke hospital _____.

3. Apakah kecederaan yang dialami oleh Zul?

Kecederaan yang dialami oleh Zul _____.

4. Apakah yang dibawa oleh Rosmohadi dan Mardiana?

Mereka membawa _____.

5. Bilakah Zul dibenarkan keluar dari hospital?

Dia dibenarkan keluar dari hospital _____.